

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI - BN ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN (NO. 37)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk meningkatkan minat di kalangan belia untuk mempelajari asas kemahiran berenang bagi meningkatkan kemahiran *survival* belia dan menjadi aktiviti berenang sebagai aktiviti sukan yang sihat dan selamat.

SULIT

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa mengadakan program-program yang dapat meningkatkan kemahiran *survival* belia dan menjadikan aktiviti berenang sebagai aktiviti sukan yang sihat dan selamat.
2. Di antara cadangan yang dapat meningkatkan minat di kalangan belia untuk mempelajari asas kemahiran berenang adalah dengan mengadakan dan memperbanyakkan kelas-kelas asas kemahiran berenang di peringkat akar umbi di bawah kendalian pihak yang bertaualiah seperti program *Pearl Kid* anjuran Kementerian.

Sekian, terima kasih.